

11 MAR 2003

Parlimen-Iraq

M'SIA SENTIASA BERTEGAS PROSES RUNDINGAN PELBAGAI HALA DIGUNAKAN

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Malaysia sentiasa bertegas mahukan proses rundingan pelbagai hala digunakan bagi menyelesaikan konflik Iraq, dan bukannya peperangan yang hanya akan memburukkan keadaan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau memebritahu persidangan Dewan Rakyat hari ini bahawa kerajaan Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip berteraskan kepada undang-undang antarabangsa dan keadilan sejagat.

"Kita tidak bersetuju dengan sekatan yang dikenakan ke atas Iraq yang membawa kesengsaraan kepada rakyat tidak berdosa. Begitu juga dengan sekatan ruang udara yang dikenakan atas wilayah utara dan selatan Iraq dan pengeboman yang dilakukan lebih 10 tahun oleh pihak British dan Amerika Syarikat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Kamarudin Jaafar (PAS-Tumpat) yang ingin tahu bentuk bantuan yang Malaysia akan salurkan kepada Iraq jika Amerika menyerang negara itu, walaupun tanpa kelulusan daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Katanya suatu tempoh perlu diberikan bagi membolehkan Resolusi 1441 PBB dilaksanakan secara penuh.

"Kita telah memainkan peranan secara aktif di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya sekatan yang dikenakan ke atas Iraq dilepaskan dan pengeboman dihentikan serta intergriti dan kedaulatan wilayah Iraq dihormati," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sentiasa menggesa supaya sekatan terhadap Iraq ditarik balik kerana ia membawa masalah kemanusiaan kepada rakyat tidak berdosa.

Syed Hamid berkata serangan yang ingin dilakukan oleh Amerika dan sekutu-sekutunya terhadap Iraq sebenarnya akan melahirkan ketidakstabilan di rantau Asia Barat dan juga di peringkat antarabangsa selain turut menjejaskan ekonomi dunia.

"Pandangan masyarakat antarabangsa tidak boleh diketepikan oleh Amerika, Britain dan Sepanyol. Kita mahukan tindakan yang seimbang dan tidak memilih dalam melaksanakan usaha bagi mencapai keamanan global," katanya.

Menjawab soalan tambahan Kamarudin yang ingin tahu sama ada kerajaan akan menukar dasar Malaysia terhadap Amerika, beliau berkata pendirian Malaysia bukanlah pendirian politik tetapi pendirian kemanusiaan dan keadilan.

"Kerajaan Malaysia adalah satu-satunya kerajaan negara kecil bukan kuasa besar yang telah memainkan peranan yang amat ketara dan berani, tegas dan konsisten.

"Semasa Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), walaupun ada usaha untuk menggagalkannya tetapi kita telah membuat usul ke atas Iraq dan mengutuk segala tindakan unilateral dan kita mahukan kehormatan PBB diberikan tempat yang sewajarnya," katanya.

Kepada soalan tambahan Datuk Mohd Ali Hassan (BN-Tebrau) berhubung pemulauan terhadap barangan keluaran Amerika, Syed Hamid berkata: "Saya tidak dapat menjawab untuk menentukan apakah yang akan kita lakukan kerana tindakan ini akan menyusahkan tindakan kita seterusnya."

Katanya Amerika akan dihukum oleh masyarakat antarabangsa dan juga rakyatnya sendiri dan ia merupakan pendekatan yang terbaik sekali bagi mengajar negara itu.

Ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen, Syed Hamid berkata Malaysia mahu anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan PBB seperti Perancis, Rusia dan China bertindak menghalang niat Amerika Syarikat untuk mengheret badan dunia itu agar mengisytiharkan perang dengan Iraq.

"Kita amat berharap anggota tetap PBB memainkan peranan untuk menghentikan sikap (Amerika) yang menidakkan kewibawaan PBB menerusi niat mereka menyerang bumi Iraq," katanya.

Terdapat tanda-tanda bahawa Rusia, Perancis dan China akan menggunakan kuasa veto bagi menghalang resolusi baru oleh Amerika dan Britain bagi mengizinkan perang.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata, Presiden George W. Bush dan Perdana Menteri Britain Tony Blair dijangka tetap menyerang Iraq walaupun tidak mendapat mandat daripada Majlis Keselamatan PBB.

Amerika dan Britain juga anggota tetap majlis itu.

Syed Hamid berkata laporan oleh Ketua Pemeriksa Senjata PBB Hans Blix dan Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa, Mohamed ElBaradei, telah membuktikan Iraq telah memberi kerjasama penuh untuk melucutkan senjata pemusnahnya, sebagaimana yang dikehendaki oleh badan dunia itu menerusi Resolusi 1441.

"Hasil dari pelucutan senjata itu, kerajaan Presiden Saddam Hussein kini tidak lagi berupaya untuk mengancam Amerika atau mana-mana negara di rantau Teluk itu," kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

FA MHI HS MAI